

UCAPAN BALAS YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HAJI MOHD. ALI
DI UPACARA PENUTUP PERLAWANAN PERSAHABATAN
BADMINTON DIRAJA DI DEWAN BADMINTON ISTANA
NEGARA, KUALA LUMPUR PADA HARI KHAMIS
26HB. FEBRUARI, 1987 PUKUL 1.00 TENGAHARI

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Raja Permaisuri Agong;

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan
Perlis, Pengurus Pasukan Negara;

Ke Bawah Duli-Duli Yang Maha Mulia
Permaisuri-Permaisuri.

Ampun Tuanku, Beribu-ribu ampun, sembah patek harap diampun. Patek, bagi pihak diri patek dan Pasukan Perdana ingin menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan Perlis sebagai Pengurus Pasukan Negara, dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Permaisuri-Permaisuri, di atas limpah perkenan Duli-Duli Tuanku menjemput patek semua menyertai perlawanan persahabatan ini.

2. Patek sekalian ingin merakamkan penghargaan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang berkenan menjadi tuan rumah perlawanan persahabatan ini. Patek mohon juga

...menyembahkan/-

menyembahkan penghargaan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan Perlis selaku Pengurus Pasukan Negara, yang telah berkenan menghubungi paterk dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Noraishikin, Pengurus Pasukan Perdana, untuk menjayakan perlawanan ini.

3. Adalah didapati bahawa kedudukan kedua-dua pasukan hampir sama dari segi kebolehan memukul bola tangkis dengan reket, dari segi peluang latihan dan dari segi mencari regu yang sesuai untuk bermain. Semua peserta bagi kedua-dua pasukan adalah bertaburan di seluruh negara.

...Sekiranya/-

4A. Sekiranya Pasukan Negara menang:

Dalam keadaan yang sama ini, perlu juga diterima bahawa dalam setiap pertandingan sukan, tentu sekali akan ada yang menang dan yang kalah. Bagi pihak para pemain Pasukan Perdana, patek mengucapkan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Duli-Duli Yang Maha Mulia Permaisuri-Permaisuri dan Yang Teramat Mulia Puteri-Puteri atas kejayaan Pasukan Negara dalam perlawanan persahabatan ini.

... Sekiranya/-

4B. Sekiranya Pasukan Perdana menang;

Patek mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada Pasukan Negara kerana telah berjaya memberi tentangan hebat kepada Pasukan Perdana di perlawanan persahabatan ini. Walaupun Pasukan Perdana menang, Pasukan Negara telah berjaya membuat patek sekalian berhempas pulas dahulu sebelum mencapai kejayaan.

... Ampun/-

5. Ampun Tuanku. Walaupun menang-kalah masih menarik perhatian bagi sementara waktu, patek sekalian yakin kemesraan dan perkenalan patek semua dengan Duli-Duli Yang Maha Mulia Permaisuri-Permaisuri, Yang Teramat Mulia Puteri-Puteri dan Yang Amat Berbahagia Puan Sri akan mengambil tempat utama dari kedudukan menang atau kalah. Penyertaan Pasukan Negara dan Pasukan Perdana telah memberi peluang kepada kita semua untuk menyertai aktiviti-aktiviti sukan yang sedikit sebanyak akan memberi sumbangan kepada kesihatan jasmani kita. Patek semua berpendapat tujuan-tujuan asas perlawanan persahabatan ini telah tercapai dan semoga Pasukan Negara berasa gembira dan berpuas hati bermain badminton dengan patek sekalian.

... Ampun/-

6. Ampun Tuanku, sekali lagi patek memohon untuk merakamkan perasaan bangga patek-patek semua ke atas Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan Perlis sebagai Pengurus Pasukan Negara dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Permaisuri-Permaisuri kerana berkenan menjadi tuan rumah dan turut mencemar duli dalam perlawanan persahabatan ini.

7. Patek sekalian berharap semoga pertandingan badminton ini akan terus diadakan setiap tahun. Patek, bagi pihak Pasukan Perdana merakamkan sekali lagi junjungan kasih yang tidak terhingga dan berdoa semoga Duli-Duli Yang Maha Mulia akan dilimpah kesejahteraan oleh Allah Subhanahu

...Wataala/-

- 7 -

Wataala, insya-Allah. Ampun Tuanku,
beribu-ribu ampun, sembah patek harap
diampun.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA